



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

DASAR PENGKATALOGAN

Edisi ke-3

Tarikh Kemaskini : 5 Ogos 2021

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

DASAR PENGKATALOGAN PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Latarbelakang

Dasar Pengkatalogan Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) menggariskan perkara-perkara yang telah ditetapkan sebagai polisi pengkatalogan yang dipraktikkan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia bagi mencapai keseragaman dalam kerja-kerja pengkatalogan.

Pada dasarnya polisi pengkatalogan adalah mengikut Anglo American Cataloging Rules, 2nd Revised Edition (AACR2R) dalam menentukan 'main entry', 'format entry', dan butiran bibliografi bahan yang dikatalog. Walau bagaimanapun, sejajar dengan perubahan polisi pengkatalogan di seluruh dunia, bermula tahun 2019 PSAS telah menggunakan standard polisi pengkatalogan yang baharu iaitu "Resource Description and Access (RDA)" bagi menggantikan AACR2R. RDA dibangunkan bagi memenuhi keperluan dan kesesuaian persekitaran dunia digital dan teknologi masa kini. RDA mengandungi garis panduan dan arahan yang meliputi penerangan dan akses untuk semua sumber digital dan dalam talian Internet, webOPAC, dan lain-lain. Justeru, RDA adalah lebih lengkap dan terperinci berbanding AACR2R.

Skim pengkelasan yang digunakan di PSAS ialah 'Library of Congress Classification Schedules'.

Skim pengkelasan yang digunakan di Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan menggunakan 2 skim pengkelasan iaitu Skim Pengkelasan National Library of Medicine (NLM) untuk bahan-bahan di dalam bidang perubatan dan bidang-bidang yang berkaitan dengannya. Manakala Skim Pengkelasan Library of Congress (Library of Congress Classification Schedules) digunakan untuk bahan-bahan di dalam bidang lain.

Selain dari Dasar Pengkatalogan ini, bahan-bahan dan sumber yang digunakan sebagai rujukan dan panduan dalam pengkatalogan adalah seperti dalam Panduan Pengkatalogan.

Tujuan

1. Mengawal kualiti pengkatalogan, pengkelasan dan pemprosesan bahan bercetak dan bukan bercetak di Perpustakaan.
2. Memastikan pengkatalogan, pengkelasan dan pemprosesan bahan bercetak dan bukan bercetak mengikut standard yang ditetapkan.
3. Menyediakan maklumat bahan yang lengkap dan tepat bagi membolehkan pengguna perpustakaan mengaksesnya dengan cepat dan berkesan.

Skop

Dasar pengkatalogan ini meliputi semua aktiviti pengkatalogan bahan bercetak dan bukan bercetak yang diterima oleh perpustakaan kecuali bahan arkib dan pangkalan data.

Tanggungjawab

Bahagian yang terlibat dalam proses pengkatalogan terdiri daripada Bahagian Pembangunan Koleksi, Bahagian Terbitan Bersiri, Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan, Perpustakaan Perubatan Veterinar dan Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina dan Perpustakaan Kampus Bintulu Sarawak.

Bahagian/Perpustakaan	Format	Koleksi
Bahagian Pembangunan Koleksi	Buku, kertas persidangan, siri monograf, piawaian, modul, buku beserta bahan media, e-books, tesis, laporan projek, CD-ROM, DVD, VCD, Audio CD, pita video, kaset, slaid, mikrofilem, mikrofis, transparensi, filem, kits, disket, peta	Am, Rujukan, Bahasa Asing, Pertanian Malaysia, Prof. Chin, PJJ, Bintik Merah, Tesis, Laporan projek, Media, Peta
Bahagian Terbitan Bersiri	Jurnal, majalah, kalendar UPM, prospektus UPM, laporan tahunan, laporan syarikat, statistik	Bahan Terbitan Bersiri, Pertanian Malaysia, Rujukan, Laporan Syarikat
Perpustakaan Cawangan: <ul style="list-style-type: none">• Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan• Perpustakaan Perubatan Veterinar• Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina	Laporan projek	Laporan projek
Perpustakaan Kampus Bintulu Sarawak	Semua format yang berkaitan	Semua koleksi yang berkaitan

Definisi

Bahan Bercetak

Bahan ini merujuk kepada buku, jurnal bercetak, majalah, tesis, disertasi, laporan projek, penerbitan tahunan (laporan tahunan, laporan statistik, buku tahunan), surat khabar, carta, kad imbas dan peta topografi, foto udara.

Bahan Bukan Bercetak

Bahan ini merujuk kepada bahan-bahan media seperti CD-ROM, DVD, VCD, Audio CD, pita video, kaset, slaid, mikrofilem, mikrofis, transparensi, filem, kit, disket, peta berdigit, peta guna tanah, peta tanah, peta GIS, e-buku, e-jurnal.

Kandungan

A. Jenis Pengkatalogan

1. Pengkatalogan Asal
Merupakan pengkatalogan deskriptif meliputi penentuan entri utama, tajuk perkara pengkelasan sesuatu bahan.
2. Pengkatalogan Dalam Penerbitan (*CIP*)
Mendapatkan maklumat pengkatalogan yang telah sedia ada pada bahan dan di dalam mana-mana katalog atas talian (OPAC) seperti Library of Congress, NLM, ITSMARC, dan lain-lain.

Untuk naskah tambahan, suntingan perlu dibuat pada tag tertentu mengikut Panduan Pengkatalogan.

B. Kaedah Pengkatalogan

Pengkatalogan bahan koleksi perpustakaan berpandukan kepada Panduan Pengkatalogan.

C. Pengecualian Bahan Dikatalog

Bahan-bahan berikut tidak dikatalog oleh PSAS:

- Surat berita (*newsletter*)
- Buletin
- Prospektus / kalendar universiti luar
- Buku program / buku panduan

- Penerbitan pegawai
- Abstrak persidangan
- Risalah, brosur, katalog, poster
- Warta kerajaan, akta (akta pindaan)
- Pangkalan data
- Surat-surat rasmi, dokumen, fail, minit-minit mesyuarat, gambar dan bahan-bahan bersejarah yang ada kaitan dengan pegawai, aktiviti dan fungsi Universiti.

TARIKH KUAT KUASA

Dasar Pengkatalogan Perpustakaan Sultan Abdul Samad berkuat kuasa mulai tarikh ia diluluskan.

Disahkan oleh : Ketua Pustakawan

Tarikh : 5 Ogos 2021

